

aab

Berisha - Usaha

ALBANIA SOKONG SEBARANG USAHA AKHIRI KONFLIK BOSNIA

I

KUALA LUMPUR, 25 Jan (Bernama) --, Albania hari ini menyokong cadangan Malaysia supaya satu usaha baru serupa rancangan damai Kemboja diperkenalkan untuk mengakhiri konflik Bosnia-Herzegovina.

Presiden Albania Dr Sali Berisha berkata beliau menyambut baik sebarang usaha antarabangsa ke arah itu.

Dalam perbincangannya dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, kedua-dua pemimpin antara lain menyentuh keadaan di Bosnia-Herzegovina dan Presiden Albania itu diberitahu bahawa Malaysia berminat terhadap usaha baru menamatkan krisis di Balkan.

Dr Berisha yang tiba di sini semalam dengan 14 anggota rombongan akan berlepas ke Langkawi esok.

Pada satu persidangan akhbar bagi hari kedua lawatan rasminya selama empat hari ke Malaysia, Dr Berisha mengakui peperangan di Bosnia-Herzegovina amat menyusahkan tetapi yakin ia tidak akan mendatangkan sebarang masalah kepada usaha Albania menarik lebih banyak pelabur asing.

-- Lagi

▼25/01/21-06MST

CNS3122

R GB 25-01 00165 BC775

aab

Berisha - Usaha 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Sememangnya bayangan perang itu amat menyusahkan tetapi dasar Albania ialah ke arah keamanan. Ia satu dasar mengelakkan konflik, dasar mewujudkan kestabilan dan galakan hebat bagi para pelabur, katanya.

Mengenai lawatannya ke sini, Dr Berisha berkata ia amat berjaya kerana kedua-dua negara bersetuju mengukuhkan kerjasama dalam pelbagai bidang dengan Malaysia bersetuju membantu Albania dalam aspek pertahanan, perumahan dan teknikal.

Mengenai penyertaan pelabur Malaysia dalam projek usahasama bagi mewujudkan zon perdagangan bebas di Albania, beliau berharap ia akan menarik lebih banyak pelabur asing ke negara itu.

Selain lima perjanjian yang ditandatangani semalam antara kedua-dua negara yang akan memudahkan pelabur Malaysia ke Albania, beberapa syarikat Malaysia menunjukkan minat melabur di Albania seperti dalam bidang tekstil, bank, pelancongan dan infrastruktur.

Beliau juga bercakap mengenai kemungkinan menghantar lebih banyak pelajar ke Malaysia. Beliau sebelum itu bertemu 50 pelajar Albania yang menuntut di Universiti Islam Antarabangsa. -- Bernama

JO RON

▼25/01/21-13MST